

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Penyelidikan Projek ini yang disediakan

Oleh

NURHIDAYU BINTI ZAIDI

bertajuk

**CADANGAN SKIM REKABENTUK DALAMAN BAGI PUSAT CANON UNTUK SYARIKAT CANON CAWANGAN IPOH
di Lot F43, aras 2, Ipoh Parade, Jalan Sultan Idris Shah/Jalan Abdul Jalil, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : _____ Pn. Ramlah binti Awi

Koordinator Khusus : _____ En. Muhammad Suhaimi bin Musa

Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr. Hj. Mohd. Sabrizaa Abd. Rashid

ABSTRAK

Pembentukan sesebuah rekabentuk adalah berdasarkan apa yang dilihat, dikaji dan penelitian yang tajam bagi menghasilkan rekabentuk yang berjaya. Ia harus dilihat dari pelbagai aspek luaran atau dalaman. Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat Diploma ini adalah merupakan manifestasi terhadap pemahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari awal peringkat asas hingga peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini adalah cadangan merekabentuk skima sebuah pusat *Canon* bagi syarikat *Canon* cawangan Ipoh di Lot F43, aras 2, Ipoh Parade, Jalan Sultan Idris Shah/Jalan Abdul Jalil, 30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Objektif utama projek ini adalah untuk memberikan satu cadangan skim rekabentuk yang baru bagi pusat *Canon* disamping memberikan suasana yang mengetengahkan rekabentuk yang baru bagi pusat *Canon* kepada pelanggan serta servis yang berkualiti. Selain itu, pemilihan projek ini juga adalah untuk mengetengahkan rekabentuk dan konsep baru bagi pihak *Canon* supaya ia mendapat perhatian dan tarikan daripada orang ramai khususnya rakyat tempatan. Beberapa penyelidikan dan kajian telah dijalankan bagi menjayakan projek ini, antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, dan kajian kes. Kesemua kajian-kajian tersebut adalah bertujuan mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang ada dan juga untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian-kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses rekabentuk, dengan tujuan mendapatkan satu rekabentuk yang menarik dan sesuai dengan imej korporat *Canon*. Konsep yang saya terapkan di sini adalah ‘*connectivity cares*’ yang membawa maksud keprihatinan secara kesinambungan dimana ia melaraskan kehendak pelanggan terhadap produk-produk *Canon* yang dihasilkan mengikut peredaran teknologi yang semakin canggih bersesuaian dengan era yang serba moden. Saya akan menerapkan konsep ini dan melahirkan idea-idea yang berasas untuk rekabentuk pusat *Canon* ini agar ia menjadi salah satu tarikan di negeri Perak dan seterusnya di dalam Malaysia pada satu hari nanti.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi kandungan	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Foto	v
Senarai Diagram	vi
Senarai Jadual	vii
 KANDUNGAN	
MUKA SURAT	
BAB 1.0 PENDAHULUAN	
1.1 PENGENALAN	1 - 2
1.2 MATLAMAT KAJIAN	3
1.3 OBJEKTIF	4
1.4 METODOLOGI KAJIAN	4 - 5
1.5 SKOP KAJIAN	6 - 8
1.6 HALANGAN KAJIAN	9
1.7 KEPENTINGAN KAJIAN	10 - 11
BAB 2.0 KLIEN	
2.1 LATAR BELAKANG KLIEN	12
2.2 CARTA ORGANISASI	13
2.3 MISI DAN VISI	13 - 14
2.4 IMEJ KORPORAT KLIEN	15
BAB 3.0 KAJIAN DAN ANALISA	
3.1 ANALISA TAPAK	16 - 50
3.2 ANALISA BANGUNAN SEDIA ADA	51 - 61
3.3 RINGKASAN PENEMUAN ANALISA TAPAK	62

3.4	RUMUSAN	63	
BAB	4.0	KAJIAN KES	
4.1	PENGENALAN KEPADA KAJIAN KES	64	
4.2	KAJIAN KES 1 (Sony Style Suria KLCC, Kuala Lumpur)	65 - 76	
4.3	KAJIAN KES 2 (LG Mobile Shop Suria KLCC, Kuala Lumpur)	77 - 85	
4.4	KAJIAN KES 3 (Canon Centre Suria KLCC, Kuala Lumpur)	86 - 91	
4.5	RUMUSAN	92 - 94	
BAB	5.0	PROJEK	
5.1	KEHENDAK KLIEN	95 - 100	
5.2	SKOP KERJA	101 - 102	
BAB	6.0	CADANGAN REKABENTUK	
6.1	PENGENALAN	103 - 105	
6.2	CADANGAN REKABENTUK	106 - 112	
6.3	PROSES SKEMA REKABENTUK	113 - 120	
6.4	ELEMEN REKABENTUK	119 - 127	
6.5	RUMUSAN	128	
Rujukan		129	
Lampiran		130	

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan ini yang telah saya sediakan adalah cadangan merekabentuk dalaman sebuah pusat *Canon* di Ipoh Parade, Ipoh untuk projek akhir Diploma Rekabentuk Dalaman. Kepentingan projek ini adalah untuk memberi cadangan rekabentuk dalaman yang baru berpandukan kepada kehendak pelanggan dan keperluan isu semasa berdasarkan kepada pemerhatian yang kritis.

Tapak pembinaan cadangan ini dilakukan di Ipoh Parade, Ipoh Perak kerana ia merupakan salah satu pusat membeli belah yang terkenal di Ipoh. Tujuan pihak klien ingin membuka pusat *Canon* di sini adalah kerana kedudukan bangunan yang strategik yang berada di tengah-tengah bandaraya Ipoh dan menjadikan pusat *Canon* yang pertama di Perak kerana sebelum ini pusat *Canon* hanya berada di Kuala Lumpur. *Canon* juga sentiasa menghasilkan produk baru yang mengikut peredaran zaman dan teknologi serta kehendak pelanggan.

Satu skema cadangan merekabentuk perlu difikirkan dan disesuaikan mengikut keperluan geografi dan politik semasa untuk memenuhi keperluan pengguna dan generasi akan datang. Saya telah menyediakan satu skim rekabentuk yang komprehensif berdasarkan kajian dan pemerhatian terhadap sesuatu isu ataupun permasalahan seni rekabentuk dalaman yang wujud di dalam rekabentuk pusat *Canon*.